



ANTARA produk 'Kegunaan Praktikal' yang meraih pingat perak pada Pameran Antarabangsa Rekacipta, Teknik Baru dan Produk Geneva, Geneva Palexpo, Switzerland pada April 2004.



DR Mohd Zazar bersama produk Easy Morse Code Transceiver and Trainer (EMCOTT), Radio Frequency Digital Interface (RFDi) dan Pulverized Palm Oil Based Fly Ash (PalmoFlash).



DR Mohd Idrus bersama sijil yang dimenangi UTHM pada 20th International Invention, Innovation And Technology Exhibition 2009 (ITEX'09).

Kini mampu berdiri sama tinggi

Meraih pelbagai kejayaan di peringkat antarabangsa dalam bidang penyelidikan

dengan IPT lain

Oleh Mohd Roji Abdullah
bhnews@bharian.com.my

KECIL-kecil cili api. Itu perumpamaan paling tepat untuk Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kerana walaupun kuantiti pelajarinya agak kecil dan lokasi kampus utamanya pula berada di sebuah pekan kecil, mereka mampu melakar nama di peringkat antarabangsa. Pelbagai hasil penyelidikan dan ciptaan yang dihasilkan penyelidik universiti itu yang menyertai pertandingan di peringkat antarabangsa sejak 2004 berjaya meraih pengiktirafan daripada pakar seluruh dunia.

Kejayaan pertama di peringkat global diraih menerusi hasil kajian bertajuk 'Kegunaan Praktikal' yang meraih pingat perak pada Pameran Antarabangsa Rekacipta, Teknik Baru dan Produk Geneva, Geneva Palexpo, Switzerland pada April 2004.

Pada 2005, nama UTHM (ketika itu dikenali sebagai Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn atau KUITTHO) semakin gah di persada antarabangsa apabila berjaya meraih dua pingat perak dan dua pingat gangsa pada 3rd International Exhibition of Invention of New Techniques and Product.

Pingat perak diperoleh Prof Madya Dr Kemas Ahmad Zamhari dan Ismail Yusof

menerusi kajian mereka 'Natural Rubber - Carbon Black Modified as Road Pavement Material' manakala satu lagi menerusi Prof Madya Dr Md Dan Md Palil, Prof Dr Ahmad Faizal Mohd Zain, Md Yahazri Yaakob yang menghasilkan topi keledar dari sabut kelapa.

Pingat gangsa diperoleh Prof Dr Zainal Abidin Ahmad, Mohd Hamim Sanusi dan New Lei Thi menerusi hasil ciptaan mereka 'Upcoming JAVA - ZIGBEE Embedded Network Solution' dan satu lagi Prof Madya Dr Md Dan Md Palil, Prof Dr Ahmad Faizal Mohd Zain dan Loo Chen Tiong menerusi ciptaan mereka 'Design and Development of communication system on motorcycle helmet (Intel helmet)'.

Penyelidik UTHM sekali lagi menempa kejayaan pada International Invention, Innovation, Industri Design & Technology Exhibition (ITEX) 2005 apabila meraih tiga pingat masing-masing satu emas, perak dan gangsa.

Pingat emas diraih Mohd Salleh Tahar, Abd Talib Leman dan Khairul Fahmi Ali menerusi hasil projek mereka yang bertajuk 'Teaching and Learning Apparatus for Pressure & Temperature Based System'.

Pingat perak dimenangi Prof Dr Amir Hashim Mohd Kassim, Mohd Nazri Mohideen, Liang Kah Tat dan Ismail Ibrahim menerusi kajian mereka yang bertajuk 'Acidified Water Resources at Sungai Bekok, Batu Pahat, Through Electrical Deionization'.

Pingat gangsa pula dimenangi Pusat Pengajian Sains UTHM menerusi 'Physics Virtual Lab-Animasi Amali Fizik berasaskan

Teknologi Animasi 3D.

Pada International of Invention of New Techniques and Products di Geneva, Switzerland, pada 2006, UTHM meraih empat pingat perak dan satu gangsa menerusi hasil projek iaitu KUIK Wall, Super Speaker, RDI Water Treatment for pH Improvement, PRITRAC (Private Vehicle tracking and Control Using SMS) dan FURAC (Future Refrigeration & Air Conditioning Kits).

Pada 17th International Invention, Innovation, Industrial Design and Technology Exhibition (TEX) 2006 pula UTHM meraih tiga pingat iaitu satu emas, satu perak dan satu gangsa.

Pingat itu diperoleh menerusi hasil projek 'The Design of Front Brake Pad Alert System for National Car', 'Automatic Canvas' dan 'Automotive Air Conditioning Simulator Machine'.

Sebaik saja memperolehi status universiti penuh dan namanya ditukar secara rasmi ke UTHM dari Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUITTHO) pada 2007, universiti itu terus menempa sejarah di persada antarabangsa apabila meraih tiga pingat emas dan satu gangsa pada International of Exhibition of Idea-Invention New Product (IENA 2007) yang diadakan di Nuremberg, Jerman pada Novembr 2007.

Tiga pingat emas itu diraih menerusi Innovative Road Construction System (ENCAPS), Fluorescent Service Kit (Fs-KIT) dan Wireless Fever Monitor (WIFEM) manakala pingat gangsa pula menerusi Industrial Air Pollution Monitoring System (Air-PoMS).

Pada 2008, UTHM menghantar wakil ke Invention & New Product Exposition 2008 (INPEX' 08) yang diadakan di David L Lawrence Convention Center, Pittsburgh, Amerika Syarikat (USA).

Penyertaan itu ternyata tidak sia-sia apabila UTHM berjaya membawa balik satu pingat perak dan tiga gangsa.

Pingat perak diraih Lam Kah Hoe, Yam Jhi Hao, Wong Weng Hong dan Ng Wei Jei yang menghasilkan produk Comsket.

Tiga pingat gangsa pula dimenangi Prof Dr Mohd Zazar Mohd Jenu dan Johnny Chong Wei Chee, Mohd Fadel Alwi dan Ahmad Azlan Abd. Aziz serta Dr Mustaffa bin Ibrahim menerusi produk Easy Morse Code Transceiver and Trainer (EMCOTT), Radio Frequency Digital Interface (RFDi) dan Pulverized Palm Oil Based Fly Ash (PalmoFlash).

Pada British Invention Show 2008 (BIS' 08) di Alexandra Palace, London, pula UTHM terus membuktikan keunggulan dengan tiga pingat emas dan satu pingat perak.

Pingat emas Prof Madya Dr Mohd Idrus Mohd Masirin, Ahmad Hakimi Mat Nor, Amir Zaki Salikin dan Adnan Zainorabidin menerusi projek mereka MGP - Modified Grouting Polymer. Lebih manis bagi pasukan ini, projek mereka turut menerima Anugerah Khas-Emas Berganda.

Satu lagi pingat emas diperoleh Prof Madya Dr Mohd Idrus Mohd Masirin, As-Shar Kasalan, Saifulzaman Mohd Bukari dan Rashidah Adon menerusi produk mereka CONTSIEVER.

Pingat emas juga diraih Erwan Sulaiman, Mohd Nabil Fikri Mohd Ali, Nurlailie Izani Azizan dan Nurzaatulnisa Mohamad



PENSYARAH Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Mohd Fadel Alwi memenangi pingat emas.

Ismail manakala perak dimenangi Mohd Fauzul Azim Mohd Zin dan Wan Suhaimizan Wan Zaki menerusi produk mereka Solar CHEF dan NEUROflex.

UTHM melakar sejarah tersendiri apabila meraih jumlah pingat terbesar pada 20th International Invention, Innovation And Technology Exhibition 2009 (ITEX'09) yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

UTHM meraih 17 pingat iaitu 5 pingat emas, 8 pingat perak dan 4 pingat gangsa pada persaingan sengit lebih 600 hasil penyelidikan dan inovasi oleh peserta dari pelbagai negara antaranya Korea, Taiwan, Hong Kong, Iran, Croatia, Australia, Poland dan Itali.

Keunggulan UTHM bukan saja terbukti dalam bidang penyelidikan dan inovasi malah pelajarannya mampu melonjakkan nama universiti itu dan negara pada

pertandingan debat peringkat antarabangsa.

Mei lalu, tiga pelajar UTHM muncul juara East West University Asian University Debating Championship (EWU AUDC 2009) dalam kategori English As Foreign Language (EFL) yang diadakan di Dhaka, Bangladesh.

Tiga pendebat itu, Jeremy Lim, Melvin Samuel dan Agilarajan Selverajah, ketigatiganya dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS), menewaskan peserta dari sembilan negara lain iaitu Ireland, Singapura, Indonesia, Filipina, Bangladesh, India, Sri Lanka, China dan Jepun.

Dengan pencapaian hebat yang dilakarkan di peringkat antarabangsa, tidak mustahil UTHM mampu berdiri sama tinggi dengan universiti terkemuka lain di dunia pada masa depan.